



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



**PERUTUSAN TAHUN BARU 2016
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM WBT, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM KEBAJIKAN

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya, seluruh warga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berpeluang menikmati dan dapat meraikan tahun baru 2016 dalam semangat kerjasama, berkasih sayang serta penuh keberkatan.

Masa berjalan begitu pantas sekali kerana tanpa disedari tahun 2015 begitu cepat berlalu meninggalkan kita. Sesungguhnya semua warga JKM perlu bersyukur masih berpeluang untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita selaku penjawat awam. Segala kenangan yang dilalui sepanjang tahun 2015 perlu dijadikan iktibar dan pengajaran berguna serta ditangani dengan usaha yang serius demi memastikan JKM terus menjadi sebuah organisasi yang unggul. Justeru, untuk mencapai matlamat dan sasaran tahun 2016 ini, marilah kita mempertingkatkan tekad dan azam untuk berusaha dengan lebih gigih, mempunyai disiplin yang tinggi, berintegriti dan amanah dalam satu pasukan yang kuat untuk meningkatkan produktiviti dengan kualiti yang lebih tinggi.

Sepanjang tahun 2015, pelbagai program dan aktiviti telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang. Kejayaan serta anugerah yang diperolehi samada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa sangat membanggakan. Anugerah yang diperolehi di 43rd International Exhibition of Inventions of Geneva sudah pasti dapat menyuntik semangat semua warga kerja JKM untuk terus bekerja meningkatkan imej Jabatan dan seterusnya menggalakkan budaya mencipta yang lebih inovatif di peringkat antarabangsa.

Bagi pengurusan teknologi maklumat (ICT) pula, Jabatan telah menerima anugerah OpenGov anjuran MAMPU bagi kategori Excellence in Analytics Employee Innovation dan Excellence in Analytics Open Source Tools yang akan dimanfaatkan dalam mendepani arus dan halatuju teknologi masa kini. Ini membuktikan bahawa JKM yang telah mencapai usia 70 tahun pada 2016 diterajui dan didokong oleh kelompok warga kerja yang dinamik bagi memastikan JKM terus maju ke hadapan dan "Fly High", seiring dengan agenda transformasi kerajaan. Adalah diharapkan JKM akan lebih proaktif memperkasakan kumpulan sasar dalam persekitaran ekonomi semasa yang tidak menentu.



Jabatan
**KEBAJIKAN
Masyarakat**



Dunia kini melalui zaman perubahan yang pesat dan dalam menghadapi era globalisasi dan keperluan masa kini, JKM akan menjurus kepada lima aspek iaitu Penyumberluaran (outsourcing), Social Innovation, Social Enterprise, Smart Partnership dan Corporate Social Responsibility (CSR). Untuk tahun 2016 ini, latihan untuk pegawai dan kakitangan akan terus dimantapkan melalui kursus secara joint venture dengan institusi latihan awam dan IPTA khususnya dalam bidang Kerja Sosial. Pada masa yang sama, latihan kepada sukarelawan kebajikan dipergiatkan supaya perkhidmatan yang disampaikan lebih mantap dan berkualiti. Di samping itu, usaha untuk terus memperkasakan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan akan dipergiatkan melalui penambahan bilangan Job Coach Trainer. Program Capacity Building ini sudah pasti dapat meningkatkan kompetensi golongan sasaran dan warga kerja JKM dalam usaha Jabatan menyediakan modal insan yang mantap dan berdaya saing.

Saya berdoa ke hadrat Allah s.w.t agar tahun 2016 akan menjanjikan persekitaran yang lebih kondusif kepada semua warga JKM dan kumpulan sasaran kita insyaAllah. Semoga setiap perkara yang dilakukan juga akan sentiasa mendapat keberkatan dan agar semua warga JKM terus meningkatkan profesionalisme dan iltizam dengan pemikiran lebih kreatif dan berinovatif. Saya percaya Jabatan akan terus relevan di persada global dengan agenda transformasi dalam penyampaian perkhidmatan kebajikan.

“HARI INI LEBIH BAIK DARI SEMALAM”

Selamat Menyambut Tahun Baru 2016 Kepada Semua Dan Salam Berkat Berjasa.

**DATO' HJ. ZULKIPLY BIN RAMLI
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**